

25/01/2001

Sukan Sea XXI dijangka untung lebih RM4 juta

Hussain Said

SUKAN Sea XXI yang dijadualkan dari 8 hingga 17 September depan bukan saja mampu mengatasi keuntungan RM4 juta yang diperolehi pada Kuala Lumpur '89 tetapi juga menjadi temasya terbaik dalam sejarah.

Rumusan itu berdasarkan sambutan menggalakkan syarikat tempatan dan antarabangsa untuk menjadi penaja kerana percaya temasya itu mampu menjadi landasan penting dalam memasarkan produk mereka di Asia Tenggara.

Setakat ini, syarikat pembekal filem antarabangsa, Konica sudah bersetuju menjadi penaja dengan tajaan berjumlah US\$1 juta (RM3.8 juta).

Lebih menggembirakan, empat syarikat gergasi tempatan - Telekom Malaysia, Proton, Petronas dan Tenaga Nasional Berhad - dijangka turut bersama-sama menjayakan temasya serantau itu.

Ketua Pegawai Operasi Sekretariat Sukan Sea XXI, Zaki Abdul Rahman, berkata pihaknya masih dalam peringkat rundingan dengan keempat-empat syarikat korporat itu.

"Menerusi perbincangan wakil keempat-empat syarikat itu bersama Menteri Belia dan Sukan (Datuk Hishammuddin Hussein) semalam (kelmarin), beliau berharap syarikat tempatan turut sama menjayakan temasya itu.

"Daripada gambaran awal, keempat-empat syarikat itu tampak memberi reaksi positif tetapi kami di sekretariat tetap akur dengan harapan mereka yang mahu melihat tajaan yang disalurkan mampu memberi pulangan, bukan saja di dalam tetapi di luar negara.

"Sekiranya mereka menyatakan persetujuan dalam rundingan berikut, keempat-empatnya akan membentuk Rakan Sukan Sea XXI bersama syarikat pembekal filem antarabangsa, Konica yang sudah memberi persetujuan menjadi penaja dengan tajaan sebanyak AS\$1 juta (RM3.8 juta).

"Penajaan mereka bukan saja membantu dalam menjayakan temasya itu tetapi juga mungkin menyaksikan kita mampu mencatat keuntungan lebih banyak berbanding RM4 juta yang diperolehi pada 1989," katanya semalam.

Sukan Sea adalah temasya kelima dikelolakan negara selepas kali terakhir pada 1989.

Temasya kali ini mempertandingkan 32 jenis sukan dengan menawarkan 390 pingat emas - temasya kedua terbesar dalam sejarah - selepas Jakarta '97 yang mempertandingkan 34 cabang sukan.

Ia turut melakar sejarah kerana buat julung kali bukan saja dilangsungkan di Kuala Lumpur tetapi juga di Johor Bahru, Pulau Pinang, Seremban dan Shah Alam.

Kerajaan sudah meluluskan RM50 juta bagi kos pengelolaan temasya itu.

Menurut Zaki, pihaknya akan mengumumkan sama ada keempat-empat syarikat gergasi tempatan itu bersetuju atau sebaliknya menjadi penaja ketika pelancaran Sukan Sea XXI yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 3 Februari depan.

"Kami juga akan mengadakan rundingan dengan beberapa syarikat korporat lain yang tampak menunjukkan minat untuk membantu dan menjayakan temasya itu.

"Sambutan memberangsangkan daripada mereka mungkin kerana percaya dengan kemampuan kita selain temasya XXI itu mampu menjadi medium penting dalam memasarkan produk masing-masing," kata Zaki.

(END)